

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan untuk memastikan Kelas Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah (KAFA) agar terus relevan dan menjadi instrumen penting dalam memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang mencukupi.

DIJAWAB OLEH :

**YB DATUK SENATOR DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan produk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak 1990 dalam menyediakan pendidikan asas Islam yang bersistematik dan dilaksanakan secara formal kepada anak-anak peringkat rendah supaya generasi akan datang mempunyai jati diri yang utuh dan berakhlak tinggi selaras dengan ajaran Islam.

NO. SOALAN : 11

Melalui Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 di bawah Teras 3: Strategi 2 iaitu memperkasakan Pendidikan KAFA menerusi 4 aspek iaitu kurikulum, buku teks, pentaksiran dan latihan keguruan. Melalui Strategi 3 pula aspek penghayatan nilai dan adab dalam Pendidikan Islam diperkasakan dengan membangunkan dan melaksanakan modul nilai dan adab bagi murid KAFA. Kurikulum baharu KAFA dibina bagi memenuhi keperluan Pendidikan Islam secara *hands-on* selaras dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara.

Mulai tahun 2020, JAKIM telah melaksanakan kurikulum baharu dan menyeragamkan buku teks KAFA bagi penyeragaman pengajaran dan pembelajaran KAFA di seluruh negara. Melalui dapatan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan KAFA, penambahbaikan kurikulum baharu lebih menumpukan kepada aspek adab dan nilai menerusi pendekatan penghayatan, pembudayaan ilmu dan merentas kurikulum. Oleh kerana minat masyarakat terhadap tahfiz, mata pelajaran Tahfiz Al-Quran diperkenalkan sebagai pendedahan awal kepada kanak-kanak di peringkat rendah.

Selain itu, JAKIM akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merealisasikan pendidikan KAFA sebagai pendidikan arus perdana. Di samping itu juga, KPM turut berperanan sebagai penyedia premis dan prasarana yang kondusif untuk pelaksanaan pendidikan KAFA.

Kerajaan melalui JAKIM akan terus komited membangunkan perancangan bagi memastikan pendidikan KAFA agar terus relevan dan menjadi instrumen penting dalam memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.